

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan kes pemerdagangan wanita dan juga langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu wanita-wanita yang menjadi mangsa sindiket penipuan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan unit khas untuk membanteras kegiatan pemerdagangan manusia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi meningkatkan usaha kerajaan dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang, kerajaan telah mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dan seterusnya suatu badan yang dikenali sebagai Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) telah ditubuhkan bagi merancang, melaksana, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar dan perancangan strategik. Satu Pasukan Petugas Khas ATIPSOM juga telah ditubuhkan oleh kerajaan dan mula beroperasi pada Januari 2017 bagi tujuan memperkasakan siasatan dan penguatkuasaan ATIPSOM.

Statistik jumlah kes pemerdagangan orang dan jumlah tangkapan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dari 2017 sehingga 30 September 2019 adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Jumlah kes Pmerdagangan Orang Berdasarkan Jenis Eksploitasi dan Jumlah Tangkapan dari tahun 2017 sehingga 30 September 2019**

NO	JENIS EKPLOITASI	TAHUN			JUMLAH
		2017	2018	2019	
1	SEKSUAL	245	159	136	540
2	BURUH PAKSA	165	137	58	360
3	PENJUALAN BAYI	0	4	5	9
4	PEMINDAHAN ORGAN	0	0	0	0
JUMLAH KES		410	300	199	909
JUMLAH TANGKAPAN (ORANG)		676	395	248	1319

Statistik jumlah mangsa wanita pmerdagangan orang dari 2017 sehingga 30 September 2019 adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Jumlah Mangsa Wanita Pmerdagangan Orang dari tahun 2017 sehingga 30 September 2019**

NO.	WARGANEGARA	TAHUN (ORANG)		
		2017	2018	2019
1	INDONESIA	149	27	16
2	FILIPINA	74	8	0
3	MYANMAR	35	0	0
4	INDIA	18	15	1
5	CHINA	87	0	0
6	VIETNAM	303	2	22
7	THAILAND	122	5	3
8	MALAYSIA	24	2	1
9	BANGLADESH	2	3	27
11	LAOS	6	0	0
12	UGANDA	1	1	0
13	NIGERIA	5	2	2
14	MONGOLIA	2	0	0
15	KEMBOJA	8	0	0
16	UZBEKISTAN	3	0	0
17	TAIWAN	1	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		840	65	72

## **SOALAN NO : 547**

**Bagi menjaga kebajikan mangsa wanita, kerajaan telah menyediakan lima (5) buah rumah perlindungan khas kepada mangsa wanita dan pelbagai perkhidmatan antaranya khidmat kaunseling telah disediakan di semua rumah perlindungan. Kerajaan juga telah menawarkan latihan teknikal dan vokasional (TVET) kepada mangsa pemerdagangan orang mulai Mac 2019 yang telah memanfaatkan seramai dua puluh tujuh (27) orang mangsa wanita.**

**Latihan yang ditawarkan adalah Kelas Asas Bahasa Inggeris dan latihan kemahiran asas solekan. Objektif projek ini adalah untuk memberi peluang kepada mangsa-mangsa pemerdagangan orang untuk mempelajari asas Bahasa Inggeris yang menjadi medium penting untuk berkomunikasi dan kemahiran solekan boleh dijadikan sumber pendapatan kepada mangsa setelah pulang ke negara asal.**

Memandangkan projek ini disambut baik oleh mangsa-mangsa, maka latihan ini akan diteruskan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia dan Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan.